

Perahu Lepa: Sejarah Dan Warisan Suku Kaum Bajau Laut

Nadhirah Binti Maulan
Nur Munifah Afifah Binti Sarifudin
Mohd Nizam bin Yunus
Nik Azliza binti Nik Ariffin
Kamarul Azwan Azman

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Perahu lepa sememangnya sinonim dalam masyarakat Bajau. Perahu lepa merupakan rumah perahu tradisional yang digunakan oleh suku kaum masyarakat Bajau dan ia merupakan alat pengangkutan dan perhubungan yang paling penting pada masa dahulu. Di samping itu juga, seni bina lepa merupakan sejenis perahu yang dijadikan tempat kediaman kerana mereka masih lagi mengamalkan kehidupan bercorak nomad. Perahu lepa merupakan lambang identiti dan warisan dalam masyarakat Bajau terutamanya masyarakat suku kaum Bajau Laut di bahagian Pantai Timur Sabah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji asal-usul lepa, proses pembuatan serta corak dan motif yang diukir pada perahu lepa. Kaedah temubual dijalankan bersama seorang tokoh yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang seni warisan perahu lepa.

Kata kunci: Bajau, Lepa, Sabah, asal-usul, pembuatan

ABSTRACT

Lepa is synonymous in Bajau society. The lepa boat is a traditional boat house used by the Bajau tribes and it is the most used tool and communication in the past. Apart from that, lepa architecture is a type of boat that is used as a place to live because they still practice nomadic life. The lepa boat is a symbol of identity and heritage in the Bajau community of the Bajau Laut community in the East Coast of Sabah. Therefore, this study aims to examine the origins of the lepa, the manufacturing process as well as the patterns and motifs carved on the lepa boat. The interview method was conducted with an experienced and knowledgeable figure in the field of lepa boat heritage art.

Keywords: Bajau, Lepa, Sabah, Origin, manufacturing

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dan sememangnya terkenal sebagai negara yang penuh dengan kebudayaan yang tersendiri. Ini dapat dilihat daripada pelbagai cara hidup dan amalan masyarakatnya. Di Malaysia, terdapat 14 buah negeri semuanya dan masing-masing mempunyai berlainan budaya, adat resam serta warisan namun itu semua melengkapinya Malaysia sebagai semua negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Namun begitu, warisan kebudayaan dan adat resam Malaysia semakin lenyap ditelan arus permodenan. Pelbagai maklumat yang berkaitan dengan warisan kebudayaan dapat diperolehi dari pelbagai sumber dan lokasi, namun pengurusan yang lemah dan tidak cekap menyebabkan maklumat tidak kekal dan proses pencariannya menjadi sukar (Yuszaidy et al., 2010; Aziz, 2000).

Malaysia juga adalah sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada beberapa komposisi etnik yang mengamalkan pelbagai budaya dan mempunyaiinggalan sejarah yang tersendiri serta mempunyai nilai yang tinggi yang perlu dipelihara dengan baik. Antara salah sebuah negeri yang sinonim dengan kepelbagaian budaya dan warisan adalah negeri Sabah. Sejak dahulu lagi mereka terkenal kerana didapati memiliki lebih daripada 32 etnik. Antara salah satu etniknya adalah masyarakat Bajau (Warren, 1972).

Masyarakat Bajau merupakan salah satu etnik yang terbesar di Sabah dengan majoriti daripada penduduknya adalah beragama Islam. Mereka dapat diklasifikasikan kepada dua kelompok iaitu etnik Bajau dari pantai timur dan etnik Bajau dari pantai barat Sabah. Bajau Laut merupakan etnik Bajau di pantai timur Sabah yang masih mengamalkan kehidupan bercorak nomad dan cukup sinonim dengan senibina "lepa" iaitu sejenis perahu yang menjadi tempat kediaman mereka (Ismail, 2007).

Khazanah warisan Kaum Bajau dapat dibahagi kepada dua iaitu warisan ketara dan tidak ketara. Warisan ketara adalah sesuatu yang dapat dilihat dan dipegang manakala tidak ketara pula adalah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, adat dan budaya. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan secara umum mengenai Warisan "Lepa" yang merupakan warisan ketara dalam masyarakat Bajau Laut dari pantai timur, Sabah.

Masyarakat Bajau dari pantai timur di Semporna, Sabah juga dapat dikenali sebagai Bajau Laut oleh masyarakat di sana yang terkenal dengan

kehebatan mereka sebagai pelaut yang disegani. Ianya berasal dari keluarga besar Bajau di selatan kepulauan Filipina dan mula bermigrasi serta menetap di kawasan perairan pantai timur Sabah semasa pemerintahan Kesultanan Sulu lagi, iaitu sekitar abad ke-18 (Warren, 1981).

Bagi mereka, laut bukan sahaja sebagai sumber rezeki tetapi turut memberikan inspirasi dan pengaruh tersendiri kepada kehidupan. Hakikatnya laut adalah dunia mereka. Buktinya mereka bukan sahaja menetap di tepi laut tetapi juga tinggal di atas laut dengan menjadikan lepa sebagai kediaman rasmi atau sebagai rumah mereka. Mereka hidup di atas "lepa" dan menjalani sebahagian besar hidup di laut. Bajau laut memang sinonim dengan "lepa". Biasanya sebuah "lepa" didiami oleh sesebuah keluarga yang dianggotai lima hingga enam orang. Setiap "lepa" yang didiami sesebuah keluarga Bajau menampilkan seni ukiran dan saiz yang berbeza dimana ia menggambarkan status keluarga tersebut. Biasanya "lepa" diperbuat daripada kayu jenis Ubar Suluk ataupun Seraya Merah. Lazimnya, "lepa" berukuran lapan meter panjang dan dua meter lebar serta menampilkan pelbagai jenis ukiran dan warna.

Perahu "lepa" yang sememangnya sinonim dalam masyarakat Bajau yang pada masa kini penghasilannya semakin kurang memberangsangkan akibat pertembungan budaya. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi memastikan supaya warisan "lepa" dapat dikekalkan memandangkan perahu "lepa" ini menjadi lambang identiti dan warisan budaya dalam masyarakat Bajau. "Lepa" merupakan peninggalan budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman oleh suku kaum Bajau Semporna. Sejak kurun ke-14, ia merupakan pengangkutan utama untuk membawa muatan pedagang-pedagang tempatan dari Semporna ke Kepulauan Sulu, Borneo, Kalimantan. Catatan sejarah juga menunjukkan "lepa" telah digunakan oleh para pendakwah untuk menyebarkan agama Islam di rantau Asia Tenggara pada awal kurun ke-15.

Selain itu, "lepa" dianggap sebagai satu elemen penting dalam hidup dan telah sebatikan dengan adat dan tradisi Bajau Laut. Ia juga amat berpengaruh dalam perkembangan seni budaya tempatan. Dalam persembahan kebudayaan, alat-alat muzik tradisional ataupun tagungguh akan dimainkan di atas lepa. Ia merupakan satu lambang keagungan dan warisan budaya bangsa Bajau Semporna di mana ia masih lagi wujud hingga ke hari ini.

Kini, kebanyakan masyarakat Bajau di kawasan berkenaan telah tinggal di darat. Walau bagaimanapun, budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman ini dipersembahkan dengan meriah dan gemilang dalam Perayaan Regatta

Lepa untuk dihayati oleh masyarakat terutamanya generasi hari ini.

Tambahan pula, Perayaan Regatta Lepa disambut pada bulan April setiap tahun di daerah Semporna, Sabah. Ia menjadi perayaan yang penting dalam kalendar masyarakat Bajau Semporna dan boleh dianggap sebagai 'hari raya' mereka. Pada tahun 1994, perayaan Regatta Lepa mula diperkenalkan sebagai perayaan di peringkat daerah dan kemudiannya diiktiraf menjadi perayaan di peringkat negeri Sabah. Seterusnya pada tahun 2003, Perayaan Regatta Lepa telah dimasukkan ke dalam kalendar 'Pesta Air Malaysia' dan kini ia merupakan salah satu acara tahunan di Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Perahu lepa mempunyai seni bina yang unik yang tidak terdapat pada lain-lain tempat. Walau bagaimanapun, sehingga kini warisan dan budaya lepa ini tidak diketengahkan oleh mana-mana individu yang mengkaji masyarakat Bajau. Oleh itu, terdapat kekurangan pendokumentasian mengenai perahu lepa bagi tujuan penyelidikan. Kajian ini dijalankan untuk menambahkan lagi koleksi - koleksi sumber lisan berkaitan lepa bagi menghasilkan bahan terbitan dan rujukan sahih untuk warisan serta tatapan generasi akan datang. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk memartabatkan warisan Lepa yang semakin pupus di kalangan masyarakat umum. Pendokumentasian tentang warisan lepa dapat menarik minat dan menjadi panduan kepada generasi muda supaya mereka ini sayangkan warisan turun temurun. Ini sejajar dengan usaha Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang sedang giat mendokumentasi seni warisan dan budaya yang kian pupus akibat kekurangan atau tiadanya pewaris meneruskan legasi warisan itu (Bernama, 2019).

Di samping itu, dari aspek sosial dimana masyarakat kini kurang berminat dalam menghasilkan perahu Lepa tersebut. Ini kerana kurangnya pendedahan mengenai perahu lepa terutamanya di kalangan generasi muda dalam mempelajari menghasilkan perahu tradisional tersebut. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengekalkan warisan ini kerana perahu lepa menggambarkan keunikan identiti masyarakat Bajau di pantai timur Sabah yang semakin hari ditelan dek peredaran zaman.

Oleh itu, penyelidikan ini diharapkan memberi manfaat kepada generasi baharu masyarakat Bajau terutama di pantai timur Sabah agar mereka dapat memartabatkan warisan dan pegangan masyarakat Bajau dahulu yang secara amnya saling berkait rapat dengan masyarakat tempatan di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini ialah :

- 1) Untuk mengkaji asal-usul warisan “lepa” dari suku kaum Bajau bahagian pantai timur Sabah.
- 2) Untuk menghuraikan proses pembuatan “lepa” dalam kalangan masyarakat Bajau di Sabah.
- 3) Untuk mengetahui corak dan motif bagi setiap ukiran “lepa”.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan bagi kajian ini ialah:

- 1) Bagaimanakah asal-usul warisan “lepa” dari suku Kaum Bajau di Sabah?
- 2) Bagaimanakah proses pembuatan “lepa” dalam kalangan masyarakat Bajau di Sabah?
- 3) Apakah maksud corak dan motif bagi setiap ukiran “lepa”?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan dalam menjalankan penyelidikan warisan lepa ini antaranya dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat Bajau di Sabah tentang kepentingan penghasilan serta kegunaan lepa supaya generasi muda terus berusaha dalam mengekalkan warisan ini. Selain itu juga dapat memupuk minat generasi akan datang dalam memperhalusi seni binaan dan ukiran yang terdapat pada lepa supaya terus berkembang. Secara tidak langsung dapat memperkenalkan warisan lepa kepada masyarakat sejagat.

Seterusnya, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Bajau bahkan penyelidikan ini penting kepada pihak Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian (KPKK) secara tidak langsung dapat mengenal pasti punca masalah yang dihadapi oleh masyarakat Bajau terutama di pantai timur Semporna Sabah dalam mengekalkan warisan lepa ini. Hal ini dapat membantu masyarakat Bajau dalam memberi jalan penyelesaian bagi meneruskan warisan lepa.

Selain itu, dapat memberi sumbangan kepada institusi pengajian tinggi awam atau swasta di Malaysia sebagai bahan rujukan kepada penyelidik akan datang serta memberi pengetahuan umum tentang warisan yang terdapat di negeri Sabah kepada institusi-institusi pengajian tinggi yang terdapat di Malaysia.

Warisan perahu lepa bukan sahaja dapat diperkenalkan dalam negara malah kepada masyarakat dunia. Keunikan lepa adalah melambangkan keunikan budaya masyarakat Bajau itu sendiri dan mencerminkan penampilan budaya tradisi masyarakat Bajau yang perlu dipertahankan untuk diwarisi oleh generasi kini dan generasi akan datang. Terdapat beberapa elemen penting dalam budaya Bajau yang masih relevan dan mesti dikekalkan sebagai salah satu khazanah budaya bangsa yang unik, mempunyai sejarahnya tersendiri dan amat berharga dari perspektif pelancongan, ekonomi dan pengekalan warisan.

TINJAUAN LITERATUR

Warisan Ketara

Menurut Norashikin & et al. (2020), Warisan ketara ialah warisan yang wujud secara fizikal dan penting untuk masa hadapan. Contoh warisan ketara suku kaum Bajau ialah perahu Lepa, pakaian tradisional, senjata, dan kraftangan. Warisan ketara ini mudah dikenal pasti bagi membezakan sesuatu kaum. Selalunya warisan ketara ini dipamerkan di muzium untuk menunjukkan kisah dan asal usul sesuatu warisan.

Asal Usul Lepa

"Lepa" atau juga dipanggil "*bayanan*" dalam bahasa Bajau ialah perahu yang pada masa ini masih wujud dan digunakan oleh masyarakat suku kaum Bajau Laut (Ismail, 2010). Lepa dipromosikan kepada generasi muda dan pelancong dengan mengadakan pesta perahu tahunan yang dikenali sebagai "*Regatta Lepa*". Lepa merupakan salah satu warisan ketara suku kaum Bajau yang terkenal terutamanya suku kaum Bajau Laut. Hal ini dapat dibuktikan melalui penggunaan lepa dalam kehidupan seharian masyarakat suku kaum Bajau di bahagian pantai timur Sabah, Semporna. Masyarakat suku kaum Bajau Laut ini masih tinggal di atas laut samada membina rumah atas laut atau menggunakan Lepa sebagai rumah mereka. Menurut kajian daripada Saidatul (2010), suku kaum Bajau kebanyakannya masih tinggal berhampiran dengan laut dan diatas laut dan biasanya ditemui di kawasan Asia Tenggara. Kaum

Bajau ini digelar “jaguh di lautan” kerana kemahiran mereka untuk hidup di laut tanpa bantuan alatan canggih (Faidah A. & Vivien W.C., 2017). Selain daripada menjadi tempat tinggal, Lepa juga digunakan untuk tujuan berdagang, menjadi pengangkutan dan menjadi simbol kepada status serta identiti suku kaum Bajau di Semporna (Ismail, 2010).

Lepa berasal daripada suku kaum Bajau Laut secara umum kerana masyarakat Bajau Laut khususnya di Semporna masih mengamalkan kehidupan di atas perahu sebagai rumah mereka. Mereka mengamalkan kehidupan nomad di pulau-pulau di sekitar Semporna sesuai dengan gelaran “*Sea Gypsies*” yang diberikan kepada mereka kerana kemahiran menjalani kehidupan di laut. Menurut kajian daripada Faidah A. & Vivien W.C. (2017) yang menerangkan perkataan “Bajau” yang berasal daripada Bahasa Melayu iaitu “berjauhan”. Hal ini kerana orang suku kaum Bajau yang sentiasa berpindah-randah dan berjauhan daripada darat. Kaum Bajau terkenal dengan kehidupan nomad dan tinggal di atas laut meskipun terdapat juga suku kaum Bajau yang tinggal di darat secara kekal.

Fasa Perkembangan Perahu Lepa

Menurut Maylinda (2015), lepa mengalami perkembangan yang dibahagi kepada 3 fasa. Lepa pada asalnya wujud pada pentadbiran Kesultanan Sulu. Oleh kerana suku kaum Bajau dikaitkan dengan kerajaan Sulu mengikut cerita sejarah (Ismail, 2010). Fasa kedua ialah tukang Lepa di kampung Nusualung, Kabimbangan, Sisipan, dan Omodal mengubah Lepa yang dikenali sebagai Lepa nipasil dan Lepa lanu. Fasa ketiga pada tahun 1994 dimana lepa mula diubah untuk menjadikan lepa sebagai simbol warisan suku kaum Bajau. Hal ini boleh dilihat dengan penganjuran Regatta Lepa. Menurut Ismail (2016), sejarah pembuatan lepa ini dikatakan telah wujud sejak tahun 1600 Masihi dan telah berevolusi sebanyak 7 kali. Reka bentuk Lepa kini adalah mengikut reka bentuk Barangayan dan Kora-kora yang berasal dari bahagian selatan Kepulauan Sulu (Ismail, 2007).

Lepa terkenal kerana acara tahunan yang diadakan di Semporna iaitu “Regatta Lepa” atau festival Lepa yang pada mulanya hanyalah festival peringkat daerah (Maylinda, 2015). Pesta ini biasanya di sambut pada bulan April setiap tahun untuk meraikan suku kaum Bajau yang handal di laut, “Panglima di Laut” ialah gelaran orang Bajau kerana kemahiran mereka di laut. Menurut sejarah Brunei, orang Bajau menjadi pengawal di perairan laut Brunei daripada lanun dan musuh kerajaan (Saidatul Nornis, 2006). Terdapat banyak

aktiviti sampingan juga di Regatta Lepa seperti acara kebudayaan, ratu cantik Lepa dan sebagainya. (Maylinda, 2015).

Regatta Lepa ini disertai dengan iringan muzik dan tarian “igal-igal” oleh penari yang akan berdiri di Lepa tersebut. Penari akan memakai pakaian tradisional semasa pertunjukan tarian. Pakaian tradisional Ala Bimbang selalunya dipakai semasa pesta perahu ini yang melambangkan keagungan suku kaum Bajau pada zaman dahulu. Pakaian ini akan digayakan oleh perempuan suku kaum Bajau sambil menari tarian “igal-igal”.



Gambar 1: Lepa yang dipertandingkan di Regatta Lepa

Sumber: Libur

Regatta Lepa diperkenalkan pada tahun 1994 dan mula menjadi acara tahunan di Semporna, Sabah. Pada hari Regatta Lepa, semua bangunan dan rumah akan mengibarkan bendera warna warni. Perahu mempunyai pelbagai jenis dan reka bentuk seperti *biruk*, *sapit*, *lepa*, dan *bogo*. Perahu jenis lepa adalah yang paling umum digunakan oleh masyarakat suku kaum Bajau. Perahu jenis Lepa ialah perahu yang dinobatkan sebagai warisan kebudayaan (Ismail, 2016).


Proses Pembuatan Lepa

Proses pembuatan lepa selalunya mengambil kira jenis-jenis dan reka bentuk Lepa yang akan dibina. Antara jenis Lepa ialah *biruk*, *sapit*, *boggo*, dan *kumpit* yang mempunyai perbezaan reka bentuk daripada lepa. Lepa biasanya diperbuat daripada kayu yang mempunyai ciri tahan air seperti ubar suluk, urat mata, bulian, upil, kalah, tambu, gagil, cengkering, selangan batu, dan seraya merah (Ismail, 2010).

Pembuatan lepa tidak mudah dan memerlukan kemahiran serta masa yang lama. Hal ini kerana Lepa diukir dengan corak dan motif yang melambangkan sesuatu maksud. Lepa biasanya berukuran 7 hingga 12 meter panjang dan 1.9 meter lebar. Kebiasaan proses pembuatan Lepa diambil kira-kira sebulan lamanya bagi seorang pakar. Proses pembuatan Lepa dimulakan dengan mencari dan menebang pokok dengan menggunakan tenaga manusia. Hal ini kerana Lepa masih banyak di tempah saban tahun untuk Regatta Lepa. Proses menipis, mengetam, dan mengukir dilakukan oleh tenaga manusia. Ukuran Lepa mestilah tepat untuk memastikan Lepa boleh seimbang di atas permukaan air (Nurul Halawati, 2007).

Alatan yang digunakan semasa pembuatan Lepa yang mempunyai istilah tersendiri. Kepingan papan yang dipotong untuk dijadikan dinding lepa ialah menggunakan gergaji atau disebut gaugari. Membelah dan menarah permukaan kayu disebut beliung iaitu bilah besi yang tajam. Ukiran pada lepa dilakukan dengan menggunakan kakal yang mempunyai mata pengetuk. Ini adalah antara contoh alatan yang digunakan semasa proses pembuatan lepa (Puteri Roslina, Hasnah & Ezura,2012).

Struktur Lepa terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu bahagian depan, bahagian bawah, dan bahagian tengah (Ismail, 2016). Setiap bahagian ini mempunyai fungsi yang berlainan dan bentuk yang bermotifkan corak tertentu. Bahagian bawah lepa yang disebut sebagai Ba'ul dan bahagian depan disebut sebagai Panansaan. Manakala, bahagian tengah disebut Pakajjangan. Selain itu, terdapat juga bahagian belakang lepa yang disebut Pemalung yang berfungsi sebagai tempat duduk pendayung dan tempat meletak dayung.



Gambar 2: Kerangka Utama Lepa

Sumber: Artikel, *Pembudayaan Lepa dan Sambulayang dalam Kalangan Suku Kaum Bajau di Semporna, Sabah, Malaysia: Satu Penelitian Semula*, Ismail Ali.

Badan lepa mempunyai 5 tingkat satah yang masing-masing

mempunyai peranan untuk menstabilkan lepa di atas permukaan air. Berikutnya 5 tingkat satah yang ada pada lepa iaitu bermula daripada tingkat paling bawah, ba'ul, penghapit, kapi-kapi, during-during dan dinding angin.

Motif dan Ukiran Lepa

Motif dan ukiran corak pada lepa selalunya merujuk kepada hidupan di laut. Corak dan motif pada lepa terbahagi kepada dua iaitu corak dominan dan corak sekunder. Corak dominan seperti corak udang galah atau ikan ambiran yang terdapat pada bentuk keseluruhan lepa. Bahagian depan lepa bermotifkan bunga sumping dulau atau bunga kunyit dan bermotifkan ikan yang terganggu. Bahagian belakang pula bermotifkan ekor ikan ambiran dan bercirikan tumbuhan menjalar seperti kaloloh buta keladi biak, magsulap, dan sebagainya. Ukiran corak dan motif ini memerlukan kemahiran yang tinggi. Terdapat juga corak duyung dan kuda laut semasa festival lepa di Semporna.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu temubual dan analisis dokumen. Kaedah temubual adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci dan relevan daripada tokoh. Temubual yang dijalankan secara formal dan teliti. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh penemubual mesti selaras dengan objektif kajian. Bagi kajian ini, kaedah temubual yang dijalankan secara atas talian dengan menggunakan platform *Zoom* kerana situasi pandemik Covid-19. Penggunaan video *Zoom* telah dirakam bagi tujuan rujukan untuk proses transkripsi.

Manakala, kaedah analisis dokumen pula untuk memberikan maklumat tentang kajian yang dikaji dan membantu memberikan maklumat tambahan seperti jurnal, artikel, akhbar, buku, majalah, thesis dan sebagainya. Kaedah ini digunakan sebagai bahan rujukan sekunder untuk dijadikan panduan kepada kaedah temubual. Ini adalah untuk memastikan kajian yang dijalankan adalah berkualiti.

LATAR BELAKANG TOKOH



Gambar 3: Mohd Asdih bin Pidih.

Tokoh yang ditemubual ialah Encik Mohd Asdih bin Pidih yang merupakan seorang kurator di Muzium Negeri Sabah. Tokoh telah dipilih melalui bidang kepakarannya iaitu sejarah warisan negara yang menjalankan penyelidikan mengenai warisan yang terdapat di negeri Sabah. Beliau telah dilahirkan di Kampung Petagas, Putatan di negeri Sabah dan juga berasal daripada etnik Iranun. Beliau merupakan anak sulung daripada 3 orang adik beradik dan mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di Kota Belud. Beliau menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang sejarah dan penyelidikan di Universiti Malaysia Sabah. Sebagai seorang kurator, beliau menyelaras, mengumpul, mengendalikan dan menyimpan koleksi-koleksi artifak yang diterima oleh pihak muzium. Pengalaman paling bermakna dimana beliau telah membentangkan satu kertas kerja yang berkaitan dengan budaya tekstil Sabah di Indonesia.

HASIL KAJIAN

Asal-usul warisan “lepa” dari suku Kaum Bajau bahagian pantai timur Sabah

Perahu lepa merupakan warisan turun temurun dalam masyarakat Bajau. Ini adalah kerana, perahu lepa ini telah lama wujud dalam kehidupan masyarakat Bajau yang dijadikan pengangkutan utama pada suatu ketika dahulu. Penggunaan lepa ini masih wujud terutamanya di bahagian Pantai Timur Sabah iaitu Semporna umumnya, yang menjadikan perahu lepa sebagai tempat tinggal. Hal ini kerana masyarakat Bajau Laut masih mengamalkan kehidupan yang nomad daripada satu pulau ke pulau yang lain.

Menurut Mohd Asdih (2021), Lepa adalah rumah perahu manakala Lepa-lepa pula ialah perahu kecil. Asal usul lepa ini dikatakan telah wujud 1800 iaitu semasa era pentadbiran *British North Borneo Chartered Company*. Lepa yang paling awal wujud dikenali sebagai “

Bogo Besar” yang diperbuat daripada kayu balak sepenuhnya. Lepa pada awalnya diperkenalkan oleh orang-orang Omadal, orang-orang Temenggung dan orang-orang yang mendiami Pulau Timbun Mata serta Pulau Bum Bum di Semporna. Selain menjadikan lepa sebagai pengangkutan, lepa juga amat penting fungsinya kepada masyarakat pada waktu itu. Penggunaan lepa masih sama kepada suku kaum Bajau Laut di pantai timur Sabah, sebagai tempat tinggal dan pengangkutan. Kehidupan suku kaum ini sangat ringkas dan mengekalkan warisan mereka pada zaman moden ini meskipun semakin berkurang.

Evolusi Lepa Dulu dan Kini

Fasa perkembangan mempunyai 5 fasa bermula daripada tahun 1900 sehingga tahun 1995. Fasa yang pertama ialah Palih Tinampak iaitu pada tahun 1912 yang pada awalnya digunakan untuk mengangkut batu karang untuk pembinaan jalan raya di Lahad Datu dan Kunak. Pada ketika itu, lepa tiada sebarang ukiran dan lebih kepada kerja-kerja lasak. Fasa kedua pula, sekitar 1938 satu perahu lagi dihasilkan iaitu dikenali sebagai lepa-lepa atau perahu kecil. Ini dihasilkan oleh kaum Bajau daripada beberapa kampung antaranya kampung Kabimbangan, Nusalalung, Salakan dan juga Tanjung Keramat. Perahu ini dihasilkan dan dijual kepada orang-orang Bajau laut di Semporna, Tawau dan Lahad Datu termasuk Pulau Sebatik dan Torakan di Indonesia. Fungsi lepa-lepa pada ketika ini yang telah mengalami evolusi kedua ini digunakan untuk menangkap ikan dan memungut telur penyu di pulau-pulau berhampiran sekitar laut Sulawesi.

Fasa evolusi ketiga berlaku pada selepas Perang Dunia Kedua iaitu sekitar tahun 1946 sehingga 1990. Satu lepa iaitu Lepa Nipasil telah dihasilkan, lepa ini lebih besar daripada lepa lepa evolusi sebelumnya dimana ia sudah ada corak ukiran pada bahagian dinding dan digunakan untuk mengangkut hasil-hasil pertanian seperti jagung dan ikan masin. Evolusi yang terakhir berlaku pada tahun 1950, dimana sebuah Lepa Nipasil cantik telah dihasilkan. Ini diantara perbezaan Lepa Nipasil dengan lepa yang berevolusi sebelum ini. Lepa Nipasil cantik mempunyai ukiran pada hujung lepa iaitu ukiran Jiong, Pele-pele, Buani-buani dan Tarok di bahagian depan Ba'ol dan ianya dijadikan

sebagai tempat tinggal oleh Bajau Laut. Kemuncak evolusi ialah pada tahun 1994 dimana orang-orang Bajau daripada Pulau Bum Bum dan Pulau Omadal telah menghasilkan satu Lepa Cantik. Ia mempunyai lebih banyak fungsi kepada kebudayaan terutamanya lepa. Lepa cantik adalah lepa yang dipertandingkan di Regatta Lepa yang mula diperkenalkan pada tahun 1994. Regatta lepa ialah anjuran Majlis Daerah Semporna sebagai salah satu cara untuk mempromosikan warisan lepa kepada masyarakat. Regatta lepa ini adalah acara tahunan dimana banyak lepa dikumpulkan di bandar Semporna dan sambutan masyarakat yang memberansangkan.

Proses pembuatan “lepa” dalam kalangan masyarakat Bajau di Sabah

Secara umumnya, bahagian lepa terdapat 3 bahagian iaitu *panansangan*, *pakancangan*, *pemalung*. Fungsi setiap bahagian lepa adalah berbeza. Kebiasaannya pada bahagian belakang lepa, ia dikaitkan dengan aktiviti kaum wanita seperti memasak dan menyediakan makanan manakala pada bahagian hadapan pula, ia lebih dikaitkan dengan aktiviti kaum lelaki seperti menjala ikan dan mengendalikan layar. Pada bahagian tengah pula, tempat untuk ahli keluarga berkumpul dan berehat.

Proses pembuatan lepa mempunyai 4 proses utama. Proses yang pertama iaitu mengumpulkan bahan untuk pembinaan perahu seperti kayu balak. Lepa selalunya diperbuat daripada kayu yang mempunyai ciri tahan lasak, keras dan tahan dalam air seperti ubar suluk, urat mata, bulian, upil, talahan, tambu, gagil, cengkering, selangan batu dan seraya merah. Alatan untuk menyiapkan lepa seperti pisau, tukul, tukul kayu dan beliung. Proses kedua ialah menjemur dan mengasap bahan-bahan yang telah dikumpul untuk memastikan kayu kayan itu kuat dan tahan lasak.

Proses ketiga sebelum perahu dibuat, perlunya masyarakat mengadakan satu upacara ritual tetapi bagi masyarakat Bajau muslim mereka mengadakan upacara kesyukuran ataupun majlis doa selamat. Proses yang terakhir ialah pemasangan rangka rangka kepingan lepa. Proses pembuatan lepa mengambil masa selama satu sehingga dua bulan. Selain lepa, nama lain bagi perahu dipanggil sebagai Bogo Kecil oleh suku kaum Bajau dimana ianya sebatang kayu yang ditebuk ditengah dan digunakan untuk aktiviti seharian seperti menangkap ikan, dan sebagainya. Lepa biasanya berukuran 7 hingga 12-meter panjang dan 1.9 meter lebar.

Proses pembuatan lepa memerlukan kemahiran yang tertentu kebiasaannya kemahiran ini diwarisi daripada orang tua mereka sendiri dan dari

pemerhatian daripada pembuatan orang-orang tua dahulu. Proses pembuatan lepa menggunakan tenaga manusia dan dibantu dengan alat-alat mesin yang terkini, ianya percampuran antara moden dan tradisional.

Corak dan motif bagi setiap ukiran “lepa”

Motif dan corak pada lepa selalunya merujuk kepada hidupan di laut dan juga lebih kepada flora dan fauna. Corak dan motif pada lepa terbahagi kepada dua iaitu corak dominan dan corak sekunder. Corak dominan bermaksud rupa bentuk perahu secara keseluruhannya manakala corak sekunder lebih kepada ukiran pada perahu. Contoh corak dominan ialah corak udang galah atau ikan ambiran yang terdapat pada bentuk keseluruhan lepa.

Corak sekunder pula seperti bunga kunyit, corak bersilang-silang dan salah satu hidupan laut seperti siput. Bahagian depan lepa bermotifkan bunga sumping, dulau atau bunga kunyit dan bermotifkan ikan yang terganggu. Bahagian belakang pula bermotifkan ekor ikan ambiran dan bercirikan tumbuhan menjalar seperti kaloloh, buta keladi biak, mangsulap dan sebagainya. Ukiran corak dan motif ini memerlukan kemahiran yang tinggi. Setiap corak yang diukir pada lepa bergantung kepada keperluan si pemilik perahu. Kebiasannya, lepa yang akan dipertandingkan semasa Regatta lepa akan lebih kepada corak dominan dan corak sekunder.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, suku kaum Bajau di Sabah merupakan kaum yang unik dan perlu dikaji dengan lebih banyak. Warisan etnik dan kaum seharusnya dipelihara untuk rujukan masa hadapan terutamanya apabila warisan negara semakin dilupakan. Hal ini akan menyebabkan kehilangan asal usul dan sejarah sesuatu warisan. Kehilangan warisan akan membuatkan sesebuah negara hilang identiti dan jati diri. Peranan muzium untuk mengekalkan dan mempamerkan warisan negara perlu disambut baik oleh seluruh masyarakat. Semua pihak seharusnya berganding bahu untuk memelihara warisan negara agar tidak pudar dimakan zaman. Kajian ini diharapkan dapat membantu menambahkan sumber dan bahan kajian mengenai warisan Lepa suku kaum Bajau Laut pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Ismail, A. (2007), Bogoo: Warisan perahu Komuniti Bajau Laut di Sabah, Malaysia, My Jurnal. <http://www.myjurnal.my/public/article/view.php?id=8758>.
- Ismail, A. (2010). Pembudayaan Lepa dan Sambulayang dalam Kalangan Suku Kaum Bajau di Semporna, Sabah, Malaysia: Satu Penelitian Semula. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 3(2), pg.193-208. <http://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/412/410>.
- Ismail, A. (2016). Sejarah Pembudayaan Perahu Tradisi di Sabah. Universiti Malaysia Sabah. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan/borneo-sabah/20160822/282492888109337>
- Maylinda, B. N. (2015). Perkembangan Festival Regatta Lepa-Lepa Di Semporna, Sabah. Universiti Malaysia Sarawak. [https://ir.unimas.my/id/eprint/18889/1/Pekembangan%20festival%20regatta%20Lepa-Lepa%20\(24pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/18889/1/Pekembangan%20festival%20regatta%20Lepa-Lepa%20(24pgs).pdf).
- Nur, F. A., & Yew, V. W. (2017). Perubatan Alternatif dalam Kalangan Komuniti Bajau Laut Semporna, Sabah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1). Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/55>.
- Nurul, H. (2007). Antara Lepa dan Lepa-lepa. <http://xtractor.blogspot.com/2007/11/antara-lepa-dan-lepa-lepa.html>.
- Pidih, A. (12 Januari, 2021). Temubual Atas Talian.
- Puteri, R. A. W., Hasnah, M., & Ezura, A. A. (2012). Penyerapan Kata Natif Dalam Peristilahan Pertukangan Melayu: Seni Pertukangan Lepa Di Semporna, Sabah. <https://docplayer.info/33268028-Penyerapan-kata-natif-dalam-peristilahan-pertukangan-melayu-seni-pertukangan-lepa-di-semporna-sabah.html>.
- Saidatul, N. M. (2006). Najat : Tinjauan awal terhadap lakuan bahasa dan aspek sosiobudaya Bajau. *Jurnal Melayu*. 2, pg 77-99. <http://journalarticle.ukm.my/2951/1/1.pdf>.
- Saidatul, N. M. (2010). Perbandingan Dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah. *Jurnal Melayu*. 5, pg. 333-374. http://journalarticle.ukm.my/3037/1/01ADNAN_JUSOH.pdf.
- Warren, Carol. (1983). *Ideology, Identity, and Change: The Experience of the Bajau Laut of East Malaysia, 1969-1975*. Townsville, Queensland: James Cook University of North Queensland, Southeast Asian Monograph Series 14.
- Warren, Francis James. (1972). "The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909" dalam *Sabah Society Journal*, Vol.5.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, AB. Samad Kechot, Mohamed Anwar Omar Din, (2010), *Pembangunan Warisan di Malaysia: Tinjauan Umum Tentang Dasar*, Jurnal Malayu. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/4959>.